



Untukmu Malaysia
Sempena 50 Tahun Merdeka

25000 km

MENJEJAKI WARISAN KITA

Mohd Bakri Jaffar & Dr. Azmy Morsidi

UNTUK MU MALAYSIA - SEMPERA 50 TAHUN MERDEKA

Menjejaki Warisan Kita

HIMPUNAN 1300 GEZET MONUMEN DAN BANGUNAN BERSEJARAH MALAYSIA

CETAKAN PERTAMA 2007

@ 2007 Hakcipta - Dr Azmi Morsidi / Mohd Bakari Jaffar

ISBN 978-983-43540-1-5

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian dari buku terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juapun, samada dengan cara eletronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan- Dalam- Penerbitan

Untuk Mu Malaysia - Sempena 50 Tahun Merdeka

Menjejaki Warisan Kita

ISBN 978-983-43540-1-5 (Soft Cover)

Himpunan 1300 Gezet Monumen dan Bangunan Bersejarah Malaysia

1 Historic building-Malaysia pictorial works (Bangunan Sultan Abdul Samad, Carcosa Sri Negara, Istana Balai Besar, Istana Maziah, Suffolk House, Istana Iskandariah, Masjid Peringgit, Masjid Kampung Laut etc.)


2 Monuments-Malaysia Pictorial Works (Fort Cornwallis, Menara Condong, Kota Malawati, Penarikan, Kota St John, The Causeway, Mt Ophir etc.)

1 Mohd Bakari Jaffar - 1942 - 725.9409595

Dicetak oleh : ULTIMATE PRINT SDN. BHD. SHAH ALAM



*Untukmu Malaysia
Sempena 50 Tahun Merdeka
25,000 Kilometer
Menjejaki Warisan Kita*



Mohd Bakri Jaffar & Dr Azmy Morsidi



PUSTAKA PERDANA



1012234



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

MALAYSIA dulu - dulu

HANYA SATU HURAIAN PENULIS



- *Malaysia atau Malaya atau Persekutuan Tanah Melayu atau Tanah Melayu buat kali pertama telah dicatat sebagai THE GOLDEN CHERSONESE atau SEMENANJUNG EMAS oleh PTOLEMY OF ALEXANDRIA Ahli Falak dan Cartographer pada tahun 140 Masihi di dalam peta dunia.*
- *Penemuan berbagai fosil & artifak di kerak Gua Niah Miri Sarawak pada tahun 1870 & 1958 membuktikan ada tamadun manusia di bumi Sarawak 40 000 tahun lampau. Kaum Penan adalah warisan dari penghuni gua ini.*
- *Penemuan aneka fosil & artifak di Gunung Runtuh Bukit Kepala Gajah Lenggong Perak Darul Ridzuan oleh arkeologis USM diketuai oleh Prof. Zuraini Majid pada tahun 1991 telah membuktikan kewujudan tamadun THE PERAK MAN 11 000 tahun lampau. (rangka manusia paling lengkap)*
- *Dalam buku berjudul MALACCA GOLD Pengarang Wayne Stier telah mengesyorkan bahawa SOLOMON'S GOLD atau GUA INTAN RAJA SULAIMAN bukan di Afrika tetapi di Semenanjung Malaysia mungkin di Melaka. Gunung Ledang atau Mt Ophir bererti Gunung kilauan emas. Era SOLOMAN'S GOLD in telah wujud 6 500 tahun lampau. MARS CAVERS telah membantu membuat penyelidikan tentang projek epic ini dan membuat kita rakyat Malayasia terutama di Melaka tak senang tidur.*
- *Penemuan aneka fosil & artifak di Santubung di muara Sungai Sarawak dan Lembah Bujang di Merbok Kedah menceritakan pedagang dari India dan China telah membuat perniagaan BARTER TRADE di kedua-dua tempat se awal kurun ke enam atau 700 Masihi. Pada masa yang sama juga agama Buddha dan Hindu mula bertapak.*
- *Penemuan Batu Nisan IBNI SIRDAN 214 HIJRAH (830 Masihi) di Gunung Jerai dan Nisan SHEIKH ABDUL KADIR IBNI HUSSAIN SHAH ALIRAH 290 HIJRAH (904 M) di Langgar Alor Setar membuktikan Agama Islam telah bertapak di Kedah Daru Aman*
- *Raja Kedah Seri Paduka Maha Raja Derbar Raja telah memeluk agama Islam bersama rakyatnya pada tahun 1141 oleh Sheikh Abdullah Yamani. Baginda memilih nama Islam ZILILAH FIL'ALAM AL – SULTAN MUZAFFAR SHAH SULTAN KEDAH DARULAMAN. (1136 – 1179) Dari tarikh itu Islam menjadi agama rasmi Negeri Kedah.*
- *BATU BERSURAT TERENGGANU yang ditemui oleh Syed Hussin Bin Ghulam Al Bahari pada 1902 membuktikan agama Islam telah wujud di Terengganu seawal 1303 malah mungkin jauh lebih awal dari tarikh itu.*



*Untukmu Malaysia
Sempena 50 Tahun Merdeka*

Menjejaki

Warisan Kita



Kumpulan Gezet Monumen dan Bangunan Bersejarah

Penyusun

Mohd Bakri Jaffar

Penerbit

Dr Azmy Haji Morsidi



**YANG DI-PERTUAN AGONG
TUANKU MIZAN ZAINAL ABIDIN AL WATHIQU BILLAH SHAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN MAHMUD AL-MUKTAFI BILLAH SHAH –
DARI 13 DISEMBER 2006**

NAIK TAKHTA KERAJAAN TERANGGANU DARUL IMAN PADA 15 MEI 1998

Baginda diPuterakan pada 22 Januari 1962 di Istana Al Muktah Kuala Terengganu. Menerima pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Sultan Sulaiman Kuala Terengganu sebelum ke sekolah elit Geelong Grammar School di Australia. Baginda memperolehi Ijazah Sarjana dari US International University-Europe di London dalam bidang Perhubungan Antarabangsa – 1988.

Baginda memperkasakan diri dengan lulus dari Royal Military Academy Sandhurst, England 1983. Ditauliahkan sebagai Lieutenant Kehormat dan ditugaskan ke unit Cavalry pada Mac 1984. Dilantik menjadi Raja Muda Terengganu pada 1981 ketika berusia 19 tahun. Baginda mendirikan rumahtangga dengan Sultanah Nur Zahirah pada 28 Mac 1996. Menaiki takhta Kerajaan Terengganu Darul Iman pada tanggal 8 Muharram 1419 H bersamaan 15 Mei 1998 berikutan kemangkatan ayahanda baginda Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah pada 14 Mei 1998.



**PERDANA MENTERI,
MENTERI KEWANGAN DAN
MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI MALAYSIA**

Y.A.B. DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI

Telah dilahirkan pada 26 Nov. 1939 di Kampung Perlis, Bayan Lepas. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Permatang Bertam, disamping menerima didikan agama di Sekolah Agama Maarif Wataniah yang diasas oleh datuk beliau Abdullah Fahim. Beliau melanjutkan pendidikan menengah di Sekolah Tinggi Bukit Mertajam dan Sek Men Methodist Pulau Pinang sebelum menuntut di Universiti Malaya Kuala Lumpur dan lulus BA (Hons) pada 1964. Berkhidmat dengan JPA Malaysia sebagai Penolong Setiausaha hingga 1969. Prinsipal Asst. Secretary Nasional Security Council dan pada 1971 Pengarah di Kementerian Kesenian, Belia dan Sukan dan seterusnya sebagai Timbalan Ketua Pengarahnya sebelum menceburi politik sepenuh masa untuk bertanding dan menang kerusi Parlimen Kepala Batas 1978. Menteri Pendidikan (1984 – 1986) Dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1999 dan Perdana Menteri Malaysia ke V pada 31 Oktober 2003. Menyertai UMNO 1965.



**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

KATA-KATA ALUAN

Sambutan 50 tahun kemerdekaan Negara mempunyai pelbagai makna. Ia bukan sahaja masa untuk kita memperingati perjuangan negara dalam membebaskan diri dari belenggu penjajah, tetapi juga satu peluang untuk kita menghargai sejarah, warisan dan kesenian negara yang kita kini miliki. Peninggalan penjajah yang masih dapat kita saksikan hari ini boleh berperanan untuk meningkatkan kita tentang asal usul kita sebagai sebuah negara. Ini amat penting, terutamanya dalam kesibukan kita mengejar pembangunan, agar kita sedar bahawa kejayaan yang dimiliki sekarang bukannya dapat dibina dalam masa yang singkat, tetapi melalui beberapa dekad.

Banyak bangunan yang dibina di zaman penjajah masa wujud di masa ini, antaranya ialah Bangunan Sultan Abdul Samad, Dewan Bandaran Pulau Pinang (1880), Pejabat Larut dan Matang (1879), Istana Besar Johor Bahru (1864), Balai Seni Kedah (1893) dan Muzium Sarawak (1891) dan lain-lain lagi. Adalah penting bagi generasi muda mengambil usaha untuk bukan sahaja mengenali bangunan-bangunan yang bersejarah seperti yang telah disebutkan ini. Mereka perlu mendalami dan mengambil iktibar dari peristiwa bersejarah yang berlaku di setiap bangunan tersebut.

Saya juga ingin menggalakkan semua pihak untuk memastikan bangunan bersejarah tidak hilang ditelan arus pembangunan dan kemajuan negara. Khazanah yang kita miliki ini hendaklah kita jaga dengan baik supaya ia berkekalan untuk dihayati dan diminati oleh generasi masa datang.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang telah berjaya menghasilkan buku "Menjejak Warisan Kita" yang sememangnya dihasilkan tepat pada masanya. Semoga buku ini, yang mengandungi koleksi lebih 1300 bangunan bersejarah dan gazet monumen yang berdokumentasi akan menjadi salah satu panduan yang berharga kepada semua pihak.

DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI



ستري كبروايان كسنيان وراي واريسان مليسيا
MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN MALAYSIA



DEMI WARISAN BANGSA

MALAYSIA yang tersohor dengan jolokan *Golden Chersonese* atau Semenanjung Emas dalam warkah pemetaan Ptolemy dari Alexandria sejak hampir dua milenium yang lampau serta-merta menjadi tarikan kepada pedagang dan pelaut dari seluruh pelosok dunia. Lembah Bujang di Merbok Kedah dan Santubong di Sarawak adalah petempatan terawal pedagang dari China, India, Arab dan Parsi sekitar kurun keenam dan ditambah pula wujudnya Empayar Islam Kesultanan Melayu Melaka di awal tahun Masihi 1400 an. Kuasa besar bersilih ganti menjajah tanah bertuah ini bermula dengan Portugis (1511 – 1641) Belanda (1641 – 1795) British (1795 – 1957) makakala Jepun mencelah menjajah (1941 – 1945). Semua ini telah berlalu. Penjajahan ini kini menjadi sebahagian dari sejarah negara. Ianya wajar memberi kesedaran dan kemantapan masa depan negarabangsa.

Selama 446 tahun negara kita dijajah, kita telah ditinggalkan dengan pelbagai khazanah dari penerokaan di perut bumi hingga kepada monumen dan bangunan yang agam bersenibinakan ciri-ciri estetika yang tinggi. Hampir kesemua bangunan dan monumen peninggalan penjajah ini masih dalam keadaan baik dan utuh walaupun telah berusia lebih satu abad. Sebahagian besar dari bangunan-bangunan ini di wartakan berlandaskan ketinggian nilai sejarah dan mutu bangunannya. Bangunan Sultan Abdul Samad, The Carcosa Seri Negara, Pejabat Daerah Larut, Pintu Gerbang Santiago, Fort Cornwallis adalah antara yang telah diwartakan itu. Dengan adanya kanun pewartaan ini maka sekurang-kurangnya dapat mengekalkan kewujudan bangunan dan monumen ini untuk tatapan dan kajian di samping sebagai fokus tarikan pelancong.

Penerbitan buku ini adalah khusus sebagai satu pencernaan, penglibatan dan usaha bersungguh-sungguh Dr. Azmi Morsidi selaku penerbit dan Haji Mohd. Bakri Jaafar selaku penyusun sempena menyambut 50 tahun kemerdekaan pada tahun ini. Buku yang berbentuk dokumentasi himpunan lebih 1300 bangunan dan monumen ini diharap berupaya menarik minat para pembaca sebagai buku bacaan ringan atau apa yang dikatakan rujukan segera. Segala peristiwa bersama-sama dihayati untuk dijadikan cermin hidup buat masa kini dan akan datang.

Semoga buku *MENJEJAKI WARISAN KITA* ini beroleh sambutan.

DATUK SERI UTAMA DR. RAIS YATIM

ARAS 35, TH PERDANA, 1001 MAJU JUNCTION,
JLN SULTAN ISMAIL 50694, KUALA LUMPUR,
TEL: 03-2612 7777 FAX: 03-2697 2100

*Untukmu Malaysia
Sempena 50 Tahun Merdeka
Menjejaki Warisan Kita
Kata - Kata Aluan Pengerusi Badan Warisan Malaysia*



Saya mengucapkan tahniah kepada Dr Haji Azmy Bin Morsidi dan Tuan Haji Mohd Bakari Bin Jaffar diatas kejayaan mereka menghasil dan menerbitkan buku *Menjejaki Warisan Kita*.

Matlamat utama Badan Warisan Malaysia semenjak ianya ditubuhkan pada tahun 1982 adalah untuk melindungi, memelihara serta memulihara bangunan-bangunan bersejarah atau yang mempunyai nilai nilai khazanah seni supaya ia tidak hilang ditelan arus pembangunan. Bangunan bersejarah atau yang mempunyai khazanah seni merupakan 'mutiara yang perlu dijaga dan dipelihara. Ia bertujuan untuk mengekal warisan dan khazanah negara untuk pengetahuan dan kepentingan generasi akan datang.

Malaysia kaya dengan bangunan dan monumen peninggalan sejarah dan bangunan warisan yang berharga dan dapat dijadikan rujukan tamadun peradaban manusia. Bangunan dan monumen tersebut amatlah penting untuk dipelihara samada melalui pemuliharaan secara fizikal ataupun dengan mendokumentasikan kerana ianya merupakan rakaman perjalanan kehidupan dan negara kita.

Bangunan-bangunan bersejarah dan warisan ini jika tidak dipelihara atau didokumentasikan akan hanya tinggal sebagai kenangan masa lalu. Tapak warisan budaya adalah tinggalan sejarah yang paling berharga untuk generasi anak bangsa. Dengan terpeliharanya tapak warisan, ia dapat mengingatkan kita pada asal usul keturunan dan kepelbagaian budaya yang ada di negara kita. Senibina yang diterapkan oleh penjajah British contohnya banyak mengadunkan unsur- unsur senibina Barat dan Islam. Dari segi kajian senibina semua bangunan ini mempunyai nilai sejarahnya. Di sini kita dapat mengetahui perkembangan pusat perniagaan yang bermula denga kedai kaki lima, pusat tadbiran saperti pejabat tanah, kehakiman dan banyak lagi yang berkaitan dengan sejarah pemerintahan negara ini. Selain itu ada beberapa bangunan yang dikaitkan dengan tokoh-tokoh negara. Jadi di sinilah letaknya nilai bangunan ini dari segi peristiwa penting dan ketokohan negarawan-negarawan berkenaan.

Buku ini adalah salah satu cara yang baik untuk mengabadikan warisan bangunan dan monumen bersejarah serta membolehkan generasi sekarang dan akan datang untuk mengetahui dan menghargai sejarah negara yang mana telah mencorakkan nilai kehidupan dan pembangunan negara kita.

Generasi akan datang patut mengetahui tentang sejarah dan peristiwa tersebut. Ini bukan sahaja penting agar mereka menghargai warisan negara malah dapat memupuk semangat nasionalisme. Jiwa sesebuah negara terletak dalam warisannya. Tanpa masa silam tiada sekarang. Tanpa sekarang maka tiada masa hadapan (*The soul of the nation lies in our heritage. Without the past, we have no present. Without the present we have no future.*)

**TAN SRI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
PRESIDEN BADAN WARISAN MALAYSIA**

31 OGOS 2007

Untuk Mu Malaysia sempena 50 Tahun Merdeka

Menjejaki Warisan Kita



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya bersyukur ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan izin dan rahmatnya telah menggerakkan hati hamba ALLAH ini untuk menerbit sebuah buku bagi panduan semua lapisan rakyat Malaysia ke atas Khazanah Seni Warisan Binaan Bangunan Peninggalan di dunia Melayu khususnya di Tanah Melayu, Malaysia. Buku yang dimaksudkan ialah

UNTUKMU MALAYSIA "Menjejak Warisan Kita"

Penerbitan buku ini tidak akan tercapai sekiranya tidak dengan usaha serta ketekunan sahabat dan guru saya iaitu Cikgu Hj. Mohd Bakri B. Jaafar yang bersungguh-sungguh dengan inspirasi beliau yang tinggi untuk menerbitkan buku ini sebagai khazanah warisan dan pusaka rakyat Malaysia.

*Pada tahun 2000, Cikgu Hj. Bakri telah memulakan penyelidikan dan kajian beliau tentang inspirasi beliau untuk menulis dan membuat kajian sejarah warisan buku ini dan pada tahun 2003 beliau menemui saya di pejabat untuk memberitahu saya akan matlamat hasrat beliau untuk menerbitkan buku ini sebagai khazanah warisan rakyat Malaysia. Kami bersyukur kepada Ilahi dengan semangat perjuangan yang sama dan sebagai insan pencinta sejarah dan khazanah negara dengan hati yang senang kami bersetuju menerbitkan buku ini yang kami namakan **UNTUKMU MALAYSIA Menjejaki Warisan Kita** yang berteraskan semangat cintakan sejarah pusaka kita agar tidak hilang ditelan zaman.*

Kami menyedari dengan terbitnya buku ini walaupun tidak sempurna dan mengakui ada kekurangan namun kami amat berharap ianya akan menjadi bahan maklumat dan rujukan kepada rakyat Malaysia agar dapat berbangga keatas pencapaian pusaka khazanah senibina bangunan di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak yang menjadi mercu tanda kemegahan Negara Malaysia setimpal dengan kemajuan mana mana Negara yang terbilang di dunia.

Akhir kata kami berdoa semoga buku ini bolehlah menjadi rujukan kepada cendekiawan-cendekiawan, jurutera-jurutera serta kepada semua lapisan masyarakat Malaysia supaya lebih mencintai negara Malaysia sebagai satu bangsa yang terus berjaya dengan cemerlang dan terbilang di dunia.

Wassalam.

*Dr. Hj. Azmy Bin Hj. Morsidi
Penerbit*

31 Ogos 2007

Untuk Mu Malaysia Sempena 50 Tahun Merdeka

Menjejaki Warisan Kita

Mukadimah dari Penyusun,

Syukur Alhamdulillah

*Saya merafak kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya maka Buku *Menjejaki Warisan Kita* dapat dihasilkan, tetapi tidak tanpa dengan pemerahan otak dan pengadunan mencari kesesuaian tajuk dan pojok. Buku ini mengandungi lebih 1,300 gezet monumen dan bangunan bersejarah di seluruh 14 buah negeri di Malaysia.*

Tujuan Buku Diusahakan,

*Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kerana kebudiman Dr. Haji Azmy Bin Haji Morsidi, seorang usahawan dan philanthrofi muda sudi untuk membiayai penerbitan Buku *Menjejaki Warisan Kita* ini. Buku ini yang berupa katalog kepada himpunan *Gazet Monumen dan Bangunan Bersejarah Malaysia* sekali gus sebagai mengisi dan memaparkan sumber sejarah setempat untuk tatapan dan bacaan bersama. Kita semua mengetahui bahawa sejarah memainkan 'kuasanya' untuk menentukan visi dan misi masa depan masyarakat dan pembangunan negara. Setiap bangunan bersejarah ada 'ceritanya' tersendiri yang secara langsung atau tidak berkait mait dengan sejarah negara. Sejumlah besar bangunan dan monumen bersejarah ini telah dilindungi oleh akta kanun 'Gazetted Monuments' dan kerajaan kita telah banyak mengeluarkan peruntukan untuk membiayai proses ubahsuai dan konseversi atau pemuliharaannya.*

Bangunan lama adalah 'Saksi' yang kelu,

Itulah frasa yang seringkali kita temui di dada media massa dan media letronik oleh para sejarawan kita. Setiap monumen atau bangunan lama ada tersimpan lakaran sejarahnya. Pintu gerbang Santiago, sisa runtuhan Kota A Famosa mengimbau ingatan kita jatuhnya Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada 25 Julai 1511 kepada Portugis, adalah disebabkan atas kelalaian kita sendiri. Selama 446 tahun atau 5,352 bulan kita dijajahi oleh Portugis (1511-1641) Belanda (1641-1795) Inggeris (1795-1957) Jepun mencelah menjajah tanahair kita (1941-1945). Bumi kita bertuah, cantik, berwarna warni dan makmur, semua kuasa besar mengidam untuk menjajah kita. Kemerdekaan mutlak yang kita perolehi sejak 31 Ogos 1957 menjadikan kita semua rakyat yang sasa dan matang. Era-era penjajahan lampau sedikit sebanyak telah berjaya menganjukkan paradigma Melayu yang suka bertuan kepada Melayu ketuanan. Sejarah mengajar kita supaya berwaspada, kerana hilangnya kuasa politik kita, maka hilanglah segala-galanya. Sayangi, cintai dan kekalkan kelangsungan ketuanan negara dan bangsa kita buat selama-lamanya.

Cetusan idea untuk menulis buku ini,

Saya berasa amat bertuah kerana sekali lagi saya digerakkan oleh para teman terutama Dr Haji Azmy Morsidi untuk menerbitkan buku ini. Buku ini amat berbeza dari buku-buku yang pernah saya usahakan sebelum ini. Para teman dengan ikhlas menyuntikkan idea-idea bagaimana operasi merakam gambar, mencari maklumat bangunan, perbelanjaan dan sebagainya harus dijalankan. Sepanjang tahun 2004 saya telah mengembara ke seluruh 14 buah negeri di Semenanjung dan Sabah Serawak, termasuk Brunei dan Singapura serta Pulau Bintan dan Jawa (Surabaya). Isteri saya sentiasa berada di sisi sebagai teman setia dan kadangkala teman seperjuangan (Kumpulan Tedarus Masjid Al Falah USJ) bergilir-gilir menemani saya mengembara menjelajah ke seluruh tanah air bagi merealisasikan 'operasi' ini. Hasilnya amat membangga dan menakjubkan tambahan pula majoriti dari kami semua adalah tergulong dari 'Wargaemas'. Berikut adalah hasil yang telah diperolehi :-

<i>Jarak Pengembaraan</i>	<i>25,000 Kilometer (Termasuk ulang alik)</i>
<i>Gambar di rakam</i>	<i>5,000 gambar termasuk 200 buah masjid</i>
<i>Monumen / Bangunan</i>	<i>1,300 buah bangunan dan monumen (usia 80 tahun hingga 500 tahun)</i>

Amat berbangga dengan warisan kita,

Dimana jua kita lawati di negara kita, kita tidak jemu-jemu bersyukur ke hadirat Ilahi kerana kita dikurniakan dengan bumi yang cantik dan subur serta dihiasi dengan bangunan-bangunan yang cantik dan agam. Bangunan –bangunan bersejarah yang terdapat di negara kita amat unik, cantik dan keragaman serta mempunyai nilai sejarah dan senibina yang tersendiri dan tinggi. Bawalah keluarga anda menjejaki warisan yang kini telah menjadi pusaka kita sejak sekian lama. Saya berkeyakinan jejak sejarah ini akan mengembirakan anda dan keluarga. Hampir kesemua bangunan dan monumen yang saya dokumentasikan di buku ini, boleh berkereta hingga ke lamannya dengan mudah.

Penghargaan dan Terimakasih,

Dengan izin Allah, buku ini yang mengambil masa hampir lima tahun untuk mengolahnannya, pasti tidak akan berhasil jika tidak mendapat paduan kerjasama dari Muzium Negara, Arkib Negara, Perpustakaan Raja Tun Uda, Perpustakaan Subang Jaya dan Muzium Shah Alam yang telah membenarkan saya membuat rujukan dan kajiselidik. Penerbit Saya Dr Haji Azmy Bin Morsidi telah bermurah hati membiayai pengembaraan ke seluruh negeri-negeri Sarawak dan Sabah manakala Prof. Madya Hj Abdul Razak Ismail sebagai Penasihat saya. Turut menyumbang ialah Dato Haji Abdul Rashid Bin Yusof (Seremban). Tidak saya lupai para sahabat dan keluarga saya yang sentiasa memberi kerjasama yang jitu dan kommitted bagi menjayakan buku ini. Akhir kata, jika ketemu sebarang kesilapan disegi ejaan, tarikh, nama dan sebagainya, maka itu bukanlah disengajakan tetapi alah kerana kealpaan saya sendiri. Terimakasih dan maaf. Ketemu lagi di buku yang lain.

Mohd Bakri Jaffar

USJ, Subang Jaya Selangor Darul Ehsan.

31 Ogos 2007

GAMBAR-GAMBAR MENGIMBAU 50 TAHUN MERDEKA (1957 2007)




Bendera PTM pertama dikibarkan buat kali pertama di Tanah Melayu Di Istana Selangor KL 26 Mei 1950



Bendera Union Jack diturunkan di digantikan dengan bendera PTM hadapan Bangunan SUK 31 Ogos 57



Pertama berkibar di BB 17 Sept 57 sama tinggi dengan bendera dunia DrIsmail –Sir Munro (Security Con).




PM Tunku Abdul Rahman, YDPagong Tuanku Abdul Rahman dan Pesuruhjaya Tinggi British terakhir di PTM Sir Donald Mac Gillivray di Istana Tetamu KL – 31 Ogos 1957



Sultan-Sultan Melayu dan Pegawai Tinggi British dan PTM Sejurus menandatangani Kemerdekaan PTM di Istana Tetamu KL



Bangunan Sultan Abdul Samad Mercutanda KL sejak 1896



Penyerahan Watikah Kemerdekaan Tanah Melayu dan ucapan oleh Duke Of Gloucester wakil Ratu Elizabeth pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka



Perisytiharan Kemerdekaan Tanah Melayu oleh Perdana Menteri Pertama Tunku Abdul Rahman Putra di hadapan wakil Ratu Inggeris, Sultan negeri-negeri Melayu, puluhan ribu rakyat di Stadium Merdeka pada pagi 31 Ogos 1957



Gambar ehsan Jabatan Penerangan

Bangunan Sultan Abdul Samad (1896) bermandi cahaya lampu di malam penuh sejarah bila Bendera Union Jack diturun dan digantikan dengan Bendera Persekutuan Tanah Melayu (Jalur Gemilang) Di Padang Selangor Kelab berhadapan bangunan ini jam tepat 00 01 31 Ogos 1957 MERDEKA



Gambar ehsan Jabatan Penerangan

Setelah 50 tahun kita merdeka, KLCC (Kuala Lumpur City Centre) telah menjadi nadi Bandaraya Kuala Lumpur (siap dibina 1996). Bangunan Berkembar Petronas 452 m ialah bangunan berkembar tertinggi dunia. KLCC dengan keluasan 100 ekar asalnya ialah Padang Lumba Kuda Selangor

Untuk Mu Malaysia
Sempena 50 Tahun Merdeka

25, 000 kilometer

Menjejaki Warisan Kita

(Gezet Monumen dan Bangunan Bersejarah)

Kandungan	Mukasurat
a Kata Kata Aluan (1 dan 2)	iii - v
b Sekapur sirih dari Penerbit	vi - vii
c Mukadimah Penyusun	viii - ix
d Koleksi Bangunan-bangunan di Putrajaya / bersejarah	x - xvi
e 10 Monumen / bangunan Bersejarah Tertua	xvii - xxiii
f Kronologi Pertumbuhan Bangunan di Malaysia	xxiv - xxx
g Kronologi Detik – detik Menuju Kemerdekaan	xxxi - xxxvi
h Kandungan	xxxvii - liv

Bil.	Negeri	Monumen	Mukasurat
1	Kuala Lumpur Ibu Negara	128	1 - 54
2	Negeri Johor Darul Takzim	66	55 - 86
3	Negeri Kedah Darul Aman	92	87 - 130
4	Negeri Kelantan Darul Naim	52	131 - 160
5	Negeri Melaka Darul Azim	101	161 - 210
6	Negeri Sembilan Darul Khusus	64	211 - 242
7	Negeri Pahang Darul Makmur	52	243 - 270
8	Negeri Perak Darul Ridzuan	121	271 - 334
9	Negeri Perlis Indera Kayangan	43	335 - 350
10	Negeri Pulau Pinang Mutiara Timur	135	351 - 414
11	Negeri Sabah Di bawah Bayu	69	415 - 448
12	Negeri Sarawak Bumi Kenyalang	102	449 - 482
13	Negeri Selangor Darul Ehsan	96	483 - 528
14	Negeri Terengganu Darul Iman	60	529 - 556

1300 Gezet Monumen Dan Bangunan Bersejarah

Untukmu Malaysia
Sempena 50 Tahun Merdeka

25000 km

MENJEJAKI WARISAN KITA

*K*etika saya meneliti sebuah buku berjudul GREAT BUILDINGS AND MONUMENTS OF THE WORLD susunan JEAN MATHE. Hati begitu terpenggil untuk menghasilkan sebuah buku yang sama judul tetapi terhad bangunan dan monumen di MALAYSIA saja. Setelah lima tahun menjelajah seluruh ceruk rantau Malaysia maka inilah hasilnya sebuah buku berdokumentasi 1300 bangunan dan monumen bersejarah tanahair (kebanyakan bangunan berusia lebih 80 tahun).

Himpunan Gezet Monumen dan Bangunan Bersejarah dirujuk kepada beberapa kategori:

- Masjid dan rumah ibadah Islam200 buah
- Tokong & rumah ibadah Cina31 buah
- Kuil & rumah ibadah Hindu27 buah
- Gereja31 buah
- Gurdwara9 buah
- Wat Siam dan lain-lain11 buah
- Pejabat Kerajaan (kolonial)105 buah
- Banglo / Rumah agam kolonial98 buah
- Istana74 buah
- Rumah agam tempatan105 buah
- Kota Kubu22 buah
- Makam dan pusara72 buah
- Bukit Peranginan9 buah
- Balai Polis33 buah
- Kelab & Govt. Rest House15 buah
- Bank / Aneka Menara71 buah
- Khazanah Alam64 buah
- Gezet Monumen (Tugu)85 buah
- Rumah Kedai Lama17 buah
- Stesen Keretapi Tanah Melayu17 buah
- Jambatan / Rumah Api56 buah
- Padang / Tasik31 buah
- Sekolah71 buah
- Hospital / Penjara18 buah
- Hotel22 buah
- Stadium / Air Pancut18 buah

ISBN 978-983-43540-1-5



9 789834 354015